

ERRATA

Tajuk : Siri Penilaian Progresif KSSR (Semakan) Bahasa Melayu Tahun 6

Kod Buku : TJC106012

Penulis : ❶ Alfian Mansor


❷ Nurul Husna Zainall Abidin

❸ Norelyssa Ramli

Muka Surat	Tema	Kesalahan	Pembetulan
52	Penilaian 7: Sains, Teknologi dan Inovasi	(G) 2. Murid Tahun Enam Cemerlang melawat ke pameran sains dan teknologi.	(G) 2. Murid-murid Tahun Enam Cemerlang melawat ke pameran sains dan teknologi.
72	Jawapan	Penilaian 7 (G) 1. Salman membantu abang memasang perabot. 2. Murid Tahun Enam Cemerlang melawat ke pameran sains dan teknologi. 3. Ibu menggunakan mesin pengisar dengan berhati-hati.	Penilaian 7 (G) 1. Abang dibantu oleh Salman memasang perabot. 2. Pameran sains dan teknologi dilawat oleh murid-murid Tahun Enam Cemerlang. 3. Mesin pengisar digunakan oleh ibu dengan berhati-hati.

 Pindahkan ayat di bawah. 5.3.3 KBAT


12



1. Salman membantu abang memasang perabot.

2. Murid-murid Tahun Enam Cemerlang melawat ke pameran sains dan teknologi.

3. Ibu menggunakan mesin pengisar dengan berhati-hati.



4. Dokumen ini perlu disimpan sekarang.

5. Amran diberhentikan kerja oleh majikannya.

6. Juara pertandingan reka cipta diraikan oleh pihak sekolah.

- B**
1. Wah, hebatnya robot itu berfungsi!
 2. Nah, ambillah kunci bilik ini!
 3. Oh, begitu cara-cara menggunakan mesin itu!
- C**
1. Tolong ibu bersihkan permaidani menggunakan pembersih vakum.
 2. Jangan letakkan gelas di hujung meja itu.
- D**
1. ... dapat melipat 25 helai pakaian dalam masa kurang lima minit dan direka boleh melipat pakaian daripada kanak-kanak berusia enam tahun
 2. ... mesra pengguna dan dapat meringankan tugas-tugas di rumah.
- E**
1. Perkhidmatan monorel lebih baik digunakan kerana dapat mengelakkan kesesakan lalu lintas sekaligus dapat mengurangkan jumlah kenderaan di jalan raya.
 2. Manfaat yang diperoleh Encik Faizal ialah dia dapat menjimatkan masa dengan membuat tempahan makanan melalui aplikasi telefon.
- F**
- | | |
|------------------|----------------|
| 1. manusia | 2. Perhubungan |
| 3. menyambungkan | 4. kemudahan |
| 5. kesejahteraan | 6. menu |
- G**
1. Abang dibantu oleh Salman memasang perabot.
 2. Pameran sains dan teknologi dilawat oleh murid-murid Tahun Enam Cemerlang.
 3. Mesin pengisar digunakan oleh ibu dengan berhati-hati.
 4. Sekarang, perlu menyimpan dokumen ini.
 5. Majikan memberhentikan Amran bekerja.
 6. Pihak sekolah meraikan juara pertandingan reka cipta.

Penilaian 8

m.s. 53

- A**
- | | |
|-------------------|-----------------|
| 1. dikomersialkan | 2. Variasi |
| 3. kreatif | 4. Sosial media |
| 5. Batik | 6. makmur |
- B**
1. Encik Ridzuan sudah 10 tahun menjalankan **perusahaan** kain songket.
 2. Sikap penduduk kampung yang bersungguh-sungguh untuk **memajukan** industri desa wajar dicontohi.
 3. Beberapa orang pelanggan sedang **melihat** persekitaran kedai yang menjual kraf tangan itu.
 4. Penduduk Kampung Seri Menanti sedang **menonton** dokumentari tentang industri desa di skrin layar yang besar.
 5. Buluh ialah sejenis tumbuhan yang batangnya keras, berongga dan beruas serta boleh **menjadi** kraf tangan seperti tabung dan seruling.
- C**
- Pemasaran produk dan **perkhidmatan** adalah amat penting bagi semua jenis perniagaan. Pada zaman ini, **kebanyakannya** peniaga menggunakan **medium** laman sosial seperti *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram* untuk mempromosikan produk yang dijual. Hal ini demikian kerana cara ini lebih **cepat** dan menjimatkan. Produk yang dipromosikan secara dalam talian dilihat lebih mudah menarik pembeli. **Contohnya**, apabila kita menjual produk kecantikan, peniaga akan memuat naik gambar dan testimoni pengguna yang telah **menunjukkan** kesan **positif** setelah menggunakan produk tersebut. Pengguna mudah **terpengaruh** dengan cara pengiklanan seperti ini sekaligus menarik minat mereka untuk membeli produk tersebut. Selain itu, urusan niaga juga menjadi cepat dan mudah kerana pengguna hanya perlu melakukan **transaksi** secara dalam talian untuk tujuan pembayaran. Peniaga akan mengesahkan pembelian tersebut dan seterusnya akan mengepos barang tersebut kepada pembeli.
- D**
1. Eksekutif muda yang bekerja di sebuah syarikat terkemuka ialah Bernard.
 2. Pak Cik Rahman mencari rezeki dengan memungut hasil hutan.
 3. Menghasilkan dan memasarkan pelbagai makanan tradisional kaum India syarikat Encik Bala.
 4. Rahsia kejayaan Puan Latifah rajin berusaha dan tidak mudah putus asa.

- E**
1. ... akan memperoleh dividen sekiranya menyimpan wang di bank. Dividen yang diperoleh dapat disimpan untuk menambah tabungan.
 2. ... kita dapat mendorong sikap berjimat cermat. Hal ini demikian kerana apabila duit tunai banyak di tangan, kita akan terdorong untuk berbelanja dengan boros.
 3. ... menyimpan wang di bank mendatangkan banyak kebaikan kepada kita.
- F**
1. Perlindungan insurans hayat, perubatan, rumah dan kenderaan diambil oleh Encik Dayne.
 2. Jangan menyerahkan kad debit atau kad ATM kepada orang lain.
 3. Aktiviti pemindahan wang yang meragukan dalam akaun perlu dilaporkan kepada pihak polis atau bank.
 4. Golongan orang kurang upaya (OKU) menghasilkan produk kraf tangan itu.

Ujian Akhir Tahun

m.s. 59

Pemahaman – Bahagian A

- | | | | | |
|-------|-------|-------|-------|-------|
| I. A | 2. D | 3. B | 4. C | 5. C |
| 6. C | 7. B | 8. C | 9. D | 10. D |
| 11. D | 12. C | 13. B | 14. D | 15. A |

Pemahaman – Bahagian B

- A** pada, untuk, dengan, kerana
- B** air dicencang tidak akan putus
- C** Apakah tujuan Bengkel Menjawab Soalan ini diadakan?
- D** Kejayaan yang telah dicapai oleh penerima Anugerah Murid Cemerlang ialah tempat pertama dalam peperiksaan, johan pidato peringkat negeri dan olahragawan sekolah.
- E**
- | | |
|------------|---------------|
| 1. tarian | 2. berdekatan |
| 3. menjaga | 4. kecergasan |

Penulisan – Bahagian A

1. Dua orang lelaki membersihkan sungai dengan berhati-hati.
2. Dua orang lelaki memotong rumput dan menebas semak.
3. Seorang lelaki mencangkul tanah untuk menanam pokok bunga.
4. Beberapa orang wanita menyiapkan hidangan makanan dan minuman.
5. Beberapa orang lelaki dan perempuan menyapu dan membersihkan semak yang telah ditebas.

(Jawapan lain yang bersesuaian diterima)

Penulisan – Bahagian B

Yang dihormati Tuan Pengerusi Majlis, Yang Berusaha Tuan Guru Besar, guru-guru serta rakan-rakan yang dikasihi. Selamat sejahtera saya ucapkan. Tajuk syarahan saya pada hari ini ialah "Pentingnya Amalan Berjimat Cermat".

Rakan-rakan dan hadirin yang dihormati,

Amalan berjimat cermat ini ialah satu tabiat yang positif terutama dalam kalangan murid-murid. Sikap ini mendorong kita untuk mewujudkan semangat menabung. Kita boleh menyimpan wang berlebihan belanja ke dalam tabung.

Amalan berjimat cermat juga dapat membantu kita apabila melanjutkan pelajaran ke menara gading. Hal ini demikian kerana, kita dapat menggunakan wang simpanan untuk membayar yuran pengajian dan perbelanjaan kita.

Hadirin yang saya muliakan,

Seterusnya, amalan berjimat cermat ini dapat membantu keluarga kita sendiri apabila dalam kesusahan. Contohnya, sekiranya ahli keluarga kita sakit atau mengalami kemalangan kita dapat membantu meringankan beban mereka. Hal ini demikian kerana, mereka memerlukan wang untuk membiayai rawatan hospital.

Akhir kata, saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa betapa pentingnya amalan berjimat cermat dalam kalangan murid-murid. Sekian, terima kasih.

(Jawapan lain yang bersesuaian diterima)